

## MEMAHAMI KESEPADUAN SOSIAL DI SEMPADAN MENERUSI LENSEA KOMUNIKASI

MOHD YUSOF ABDULLAH  
SUHANA SAAD  
JUNAENAH SULEHAN  
NOOR RAHAMAH ABU BAKAR  
ABD. HAIR AWANG  
ONG PUAY LIU

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### **Abstrak**

Sempadan antara negara merupakan kawasan penting kepada dua belah negara. Pada masa kini, ianya menjadi lebih penting sebagai pusat pertemuan komuniti, zon untuk kerjasama dua hala dan laluan keluar masuk pelbagai aktiviti halal dan haram. Lantas, komuniti di kawasan sempadan antara negara lazimnya mempunyai dan menjalin hubungan lebih kerap dan rapat antara satu sama lain. Keadaan ini berlaku disebabkan mereka berkongsi persamaan dari segi keturunan, bahasa, dan budaya. Faktor kedekatan juga mempengaruhi hubungan rapat yang terjalin di samping wujudnya prasarana sistem komunikasi yang telah dibangunkan oleh pihak kerajaan kedua buah negara. Kawasan penempatan komuniti di sempadan Sarawak, Malaysia dan Kalimantan Barat, Indonesia terletak jauh dari ibu negeri atau bandar besar kedua buah negara dan ini juga menyebabkan hubungan penduduk itu lebih dekat sesama mereka. Makalah ini membentangkan isu hubungan komuniti di kawasan penempatan penduduk di sempadan Sarawak dan Kalimantan Barat berdasarkan data kajian lapangan yang telah dijalankan. Kajian ini menggunakan pemerhatian di lapangan dan tinjauan melalui soalselidik untuk melihat pola hubungan etnik di tiga kawasan penempatan penduduk iaitu Kampung Mongkos, Lubuk Antu, Ba'kelalan dan Telok Melano di Sarawak. Dapatan kajian mendapati penduduk di kawasan kajian mempunyai hubungan rapat antara satu sama lain hasil daripada pertalian darah dan sosial yang telah lama terjalin. Hubungan yang rapat ini diperkukuhkan lagi dengan mudahnya penduduk keluar masuk untuk urusan harian dan sosial ke kawasan masing-masing melalui jalan yang sedia ada dan peraturan keluar masuk sempadan yang mesra pelanggan. Justeru, saling kebergantungan antara komuniti ini untuk memenuhi keperluan kehidupan menjadikan komunikasi antara mereka lebih akrab dan rapat walaupun sekali sekala timbulnya isu persempadanan nasional. Hasil kajian ini menunjukkan hubungan sosial komuniti di sini dengan keluarga dan jiran di sempadan adalah mesra. Secara keseluruhannya, boleh disimpulkan penduduk di kawasan sempadan ini menjalani kehidupan harian dalam keadaan yang tenang, simpel dan gembira. Kedinamikan hubungan komuniti di sempadan ini patut dilihat sebagai model untuk memahami kesejahteraan hubungan etnik dan kesepaduan sosial negara.

**Kata kunci:** *Pembangunan komuniti, komuniti sempadan, sistem komunikasi, hubungan komuniti, komunikasi manusia.*

## UNDERSTANDING SOCIAL COHESION AT THE BORDER THROUGH COMMUNICATION LENS

### **Abstract**

Border between countries is an important area for both countries. Nowadays, it has become more important as a community meeting center, the zone for bilateral cooperation and routes in and out route for legal and illegal activities. Thus, communities in the border areas are usually very close to each other. This happens because they share similarities in terms of ethnicity, language, and culture. The proximity also affects the close relationship that exists in addition to the existence of communication infrastructure system that has been developed by the governments of both countries. Settlements in border communities in Sarawak, Malaysia and West Kalimantan, Indonesia are located far from the capital or major cities of both countries and this also caused the residents to have closer relationship with each other. This paper presents the issue of community relations in the residential area on the border of Sarawak and West Kalimantan based on field studies that have been carried out. This study used observations and survey through questionnaires to look at the relationship between the three ethnic populated areas namely Kampung Mongkos, Lubuk Antu, Ba'kelalan and Telok Melano in Sarawak. The study found that the population in the study area has a close relationship with each other as a result of blood and social ties which has long been established. This close relationship is further strengthened with easy entry and exit for social affairs in their respective areas through the existing road and the rules of border crossing points are so easy. Thus, the interdependence between these communities to meet the needs of life makes the communication between them more intimate and close despite occasional emergence of the issue of national boundaries. The results of this study show that social relationships in the community here with their family and neighbours are very closed. Overall, it can be concluded that the daily life of the communities in the border areas is quiet, simple and happy. The dynamics of community relations at the border should be viewed as a model for understanding ethnic relations, prosperity and social cohesion of the country.

**Keywords:** *Community development, community boundaries, communication systems, community relations, human communication.*

### **PENGENALAN**

Sejak dahulu lagi sempadan negara merupakan kawasan penting kepada dua belah negara. Pada masa kini, ianya menjadi lebih penting sebagai pusat pertemuan komuniti, zon untuk kerjasama ekonomi dua hala dan laluan keluar masuk pelbagai aktiviti halal dan haram. Komuniti di kawasan sempadan antara negara lazimnya mempunyai dan menjalin hubungan lebih kerap dan rapat antara satu sama lain. Komuniti sempadan negara terdiri dari orang yang telah lama

mempunyai perkaitan dari segi geografi, aktiviti perdagangan dan keturunan sebelum pembentukan kawasan sempadan moden. Misalnya, penduduk Melayu Siam mempunyai perkaitan dengan Melayu Kelantan. Penduduk Hispanic di Negeri New Mexico, Amerika Syarikat mempunyai perkaitan dengan penduduk sempadan di negara Mexico. Oleh itu, Komuniti sempadan merupakan satu pengelompokan sosial yang berasaskan sejarah sepunya. Kebanyakan komuniti sempadan antarabangsa seperti di Afrika berasal daripada kelompok etnik yang sama (Flynn 1997). Keadaan ini juga sama dengan komuniti perbatasan Sarawak-Kalimantan Barat. Komuniti sempadan ini berasaskan satu budaya dan identiti yang kolektif sejak sebelum terbentuknya konsep *modern state*. Sebagai komuniti yang jauh daripada pusat pentadbiran, sistem komunikasi yang lengkap dan berkesan sangat penting kepada kelangsungan kehidupan penduduk di kawasan sempadan. Sistem komunikasi yang merangkumi komunikasi fizikal seperti jalanraya, kenderaan pengangkutan, parabola, telefon bimbit, internet adalah prasarana komunikasi yang melengkapkan komunikasi manusia di kawasan sempadan. Apabila menyentuh aspek kesepaduan sosial, komunikasi dan interaksi harian memainkan peranan penting yang mampu menyumbang kepada kesepaduan sosial. Masyarakat yang jauh dari pusat pentadbiran dan bandar berhampiran sudah tentu terdapat aspek yang mampu mengikat keterikatan hubungan antara mereka sama ada dalam komuniti di sempadan Sarawak itu sendiri ataupun dengan komuniti di negara jiran. Makalah ini membincangkan pola hubungan penduduk di kawasan sempadan Sarawak dan Kalimantan Barat dari perspektif komunikasi dan bagaimana komunikasi dan pola interaksi yang wujud mampu membentuk kesepaduan sosial dalam kalangan ahli komuniti di sempadan Sarawak/Kalimantan Barat.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini melibatkan penggunaan data primer. Data primer diperolehi menerusi kaedah survei, pemerhatian dan temubual bersemuka. Lokasi kajian adalah di sepanjang sempadan Sarawak dan Kalimantan Barat melibatkan kawasan Lubuk Antu, Teluk Melano, Kg. Mongkos dan Ba'kelalan. Seramai 318 ketua isi rumah telah dipilih sebagai responden kajian melalui teknik persampelan mudah (*convenience sampling*) tanpa mengambilkira faktor etnik. Namun, majoriti etnik boleh dilihat daripada segi lokasi kajian misalnya Lubuk Antu (majoriti Iban), Teluk Melano (Melayu), Kg. Mongkos (Bidayuh) dan Ba'kelalan (Lunbawang). Temubual bersemuka dilakukan bersama pemimpin setempat seperti Pemanca atau Penghulu, Ketua Kampung dan Tuai Rumah.

## **KOMUNITI SEMPADAN DAN KESEPADUAN SOSIAL**

Sempadan atau perbatasan merupakan satu garis bayangan bagi menandakan kuasa antara dua negara. Sempadan antarabangsa berfungsi sebagai zon yang menuntut kawalan ke atas pergerakan fizikal lintas batas dan keperluan dokumen imigresen. Sempadan turut menggalakkan rakyat kedua-dua negara untuk menceburi aktiviti sama ada sah atau tidak bergantung kepada peraturan negara masing-masing, dan juga penerimaan sosial serta penerimaan komuniti yang terlibat (Ong Puay Liu, et al: 2012).

Kawasan perbatasan walau di mana jua akan mewakili komuniti yang sama dari segi kekangan struktural dan proses transformasi sosial. Ini termasuklah perbatasan antarabangsa, perdagangan merentasi sempadan, migrasi dan konflik sempadan. Penelitian terhadap politik, budaya, sejarah dan ekonomi komuniti perbatasan akan membentuk perspektif mereka terhadap

kawasan perbatasan, kewarganegaraan dan komuniti. Seterusnya, kita juga boleh memahami dengan lebih lanjut proses pembinaan identiti di sempadan (Flynn (1997)).

Cabaran paling besar dalam kajian berkaitan perbatasan ialah budaya, yang bersifat *homogeneous* terbentuk berasaskan perkongsian sejarah, sifat multi-etnik dan binasional dari segi ekonomi dan politik (Alvarez 1995). Justeru komuniti perbatasan menganggap mereka mempunyai hak untuk bergerak dalam kumpulan mereka walaupun terletak dalam dua negara berbeza dari segi negara bangsa (Flynn 1997). Kajian sebelum ini berkaitan komuniti sempadan Sarawak-Kalimantan menunjukkan pasar di perbatasan seperti pasar Serikin telah menjadi *trans-state identity* yang termanifestasi melalui sejarah sepunya, hubungan persanakan, adat, kepercayaan, linguistik dan sebagainya (Junaenah, et al: 2010). Komuniti perbatasan bukanlah terasing daripada dinamika pasaran kerana mereka telah terintegrasi ke dalam kapitalisme dan meluas kepada bentuk-bentuk sosial lainnya. Pertalian komuniti sempadan di Sarawak-Kalimantan dari segi sejarah, kekeluargaan, kepercayaan, budaya dan dialek dibina dan diperkukuhkan secara berterusan. Walaupun secara fizikal dan sosialnya komuniti perbatasan ini jauh dari pusat pentadbiran, pasar Serikin telah menjadi “*trans-state identity*” bagi peniaga dari Kalimantan.

Hubungan keterikatan berdasarkan sejarah serta kekeluargaan menjadikan komuniti perbatasan di negara-negara terlibat sangat erat dan hal ini termanifestasi dalam komuniti di perbatasan Sarawak Kalimantan Barat. Justeru, apakah keterikatan mereka dengan kelompok etnik di negara bersempadan akan menjauhkan mereka dengan pentadbiran dan politik negara sendiri? Kesepaduan sosial penting untuk menjadi penghubung komuniti perbatasan ini dengan politik dan pemerintahan negara masing-masing. Hal ini terkait dengan kesepaduan sosial kerana

proses yang menghubungkan fenomena peringkat mikro dan makro memberikan kesan terhadap sikap dan tingkahlaku seseorang individu (Friedkin 2004).

Kajian tentang kesepaduan sosial menjadi popular dalam kalangan pembuat dasar sejak 1990-an lagi (Joseph Chan & Elaine Chan 2006). Kepelbagaian budaya, etnik dalam masyarakat, cabaran globalisasi, melebarnya jurang kaya miskin, ancaman politik dan sosial menyebabkan pembuat dasar perlu mengambilkira pergolakan dan isu-isu berkaitan kesepaduan sosial yang boleh menjejaskan governan. Kesepaduan sosial mempunyai definisi yang sangat subjektif. Namun, ianya merujuk kepada matlamat yang ingin dicapai oleh masyarakat. Konsep ini juga merupakan suatu proses yang berterusan yang boleh mencipta kesepaduan dalam masyarakat. Untuk sesetengah keadaan, kesepaduan sosial merupakan solusi terhadap keadaan sosial matlamat politik, ketidakstabilan demokrasi dan sikap tidak bertoleransi (Joseph Chan & Elaine Chan 2006). Kesepaduan sosial mencerminkan keadaan minda warga masyarakat, yang dizahirkan melalui perlakuan tertentu. Khususnya, warga masyarakat dikatakan terikat kepada satu sama lain kalau wujud tiga kriteria berikut:


- a. mereka boleh saling percaya, bantu dan bekerjasama dengan warga lain dalam masyarakat
- b. mereka berkongsi satu identiti sepunya atau rasa kesepunyaan dalam masyarakat yang dianggotai
- c. perasaan subjektif dalam (a) dan (b) di atas terjelma dalam perlakuan objektif individu (Chan & Chan 2006: 289-290).

Menurut Markus dan Kirpitchenko (2007), kesepaduan sosial dapat ditakrifkan sebagai berkongsi visi yang sama. Oleh itu, kesepaduan sosial memerlukan nilai sejagat, aspirasi sepunya

atau identiti yang dikongsi bersama setiap anggota. Kesepaduan sosial juga mencerminkan satu komuniti atau kumpulan yang berkongsi matlamat dan tanggungjawab dan kerjasama antara ahli.

## LATARBELAKANG KAWASAN KAJIAN

Kajian ini melibatkan empat lokasi sebagai sampel kajian iaitu Kampung Teluk Melano, Ba'kelalan, Kampung Mongkos dan Lubuk Antu (Peta 1).



Peta 1: Peta Lokasi Kajian (Sarawak-Kalimantan Barat)

Antara tiga kawasan yang dikaji, Teluk Melano merupakan destinasi yang agak mencabar untuk dilawati. Kampung yang terletak dalam Daerah Lundu ini tidak mempunyai jalan darat (ada jalan darat di hutan yang tidak sempurna dan memakan masa serta perlu merentas kawasan laut apabila air surut kecuali menggunakan bot yang mengambil masa hampir dua jam dari jeti pekan Sematan. Jaraknya lebih kurang dua jam dari bandar Kuching. Keadaan ini menyebabkan

Kg. Teluk Melano masih terpinggir dari pekan berhampiran, iaitu Lundu dan Sematan. Penduduk kampung ini rata-ratanya adalah petani yang mengusahakan tanaman kelapa sawit dan lada hitam. Kampung ini belum mempunyai infrastruktur asas elektrik dan air.

Keadaan ini agak berbeza dengan Kg. Mongkos. Lokasi kampung yang terletak di daerah Serian ini tidak perlu melalui perjalanan yang sukar. Jaraknya hanya 40 minit dari pekan Serian dan dari Kuching mengambil masa hampir dua jam. Kampung ini mempunyai infrastruktur asas seperti jalan raya, namun bekalan elektrik masih menggunakan *generator* dan air dari bukit. Rata-rata komuniti di sini merupakan petani yang mengusahakan lada hitam dan padi bukit dan tinggal di rumah panjang. Namun demikian, sebahagian daripada mereka sudah tinggal di rumah sebuah akibat urbanisasi yang mendorong kepada pemilikan rumah secara perseorangan.

Lubuk Antu merupakan lokasi paling jauh melalui jalan darat. Perjalanan mengambil masa hampir lima jam. Sama seperti Kg. Mongkos, Lubuk Antu mempunyai jalanraya yang baik, hanya bekalan air dan elektrik belum sempurna. Penduduk masih bergantung kepada *generator* dan bekalan air dari bukit serta sungai berhampiran. Kebanyakan Komuniti Iban di sini tinggal di rumah panjang dan mengusahakan tanaman padi huma, getah serta lada hitam. Jarak antara kampung-kampung di Lubuk Antu dengan pekan Lubuk Antu hanya mengambil masa 15 hingga 20 minit sahaja.

Ba'kelalan terletak di tanah tinggi Bario dan mempunyai ketinggian kira-kira 3000 kaki di atas paras laut dan 4KM dari sempadan Kalimantan Barat dan komuniti di sini ialah Lunbawang. Penduduk di kawasan ini menanam padi bukit dan juga terdapat ladang epal yang diusahakan. Untuk sampai ke Ba'kelalan, pengangkutan udara lebih sesuai digunakan. Walaupun terdapat jalan darat melalui Lawas, namun keadaan jalan sangat teruk dan memakan masa yang



lama untuk sampai. Ba'kelalan merupakan pintu masuk utama ke Taman Negara Kayan Mentarang di Krayan, Kalimantan.

### **POLA HUBUNGAN KOMUNITI SEMPADAN SARAWAK-KALIMANTAN BARAT**

Hubungan antara komuniti di sempadan Sarawak-Kalimantan Barat telah lama terjalin sebelum pembentukan sempadan geo-politik kedua buah negara. Pada awalnya, hubungan itu terjalin melalui hubungan darah dan lama kelamaan berkembang kepada hubungan sosial melalui aktiviti perdagangan dan perkahwinan. Komuniti yang mendiami kawasan penempatan di sempadan Sarawak dan Kalimantan Barat ini telah lama mengenali antara satu sama lain kerana mereka ini berasal dari keturunan yang sama iaitu sama ada keturunan Melayu, Bidayuh atau Lunbawang. Justeru, kebanyakan penduduk itu mempunyai pertalian saudara antara satu sama lain.

Hubungan yang lama terjalin ini juga berkembang hasil dari perkahwinan. Perkahwinan dalam kalangan penduduk di sempadan ini adalah biasa dan ini mengukuhkan lagi hubungan sesama mereka. Justeru hubungan antara komuniti itu berpanjangan dari generasi ke generasi. Umpamanya, hasil pemerhatian di Telok Melano mendapati enam pasangan yang telah lama berkahwin dengan penduduk dari kampung di sebelah sempadan Kalimantan Barat. Hubungan darah dan sosial diperluaskan lagi dengan perdagangan. Adalah menjadi kelaziman bahawa kawasan penempatan penduduk yang berdekatan akan mengalakkan hubungan perdagangan sesama mereka. Keadaan ini lebih nyata lagi bagi penduduk di sempadan Sarawak-Kalimantan Barat kerana masing-masing saling memerlukan antara satu sama lain untuk memenuhi keperluan harian dan sosial. Keperluan harian adalah bahan makanan, minuman, peralatan memasak, bahan binaan rumah dan kelengkapan lain. Aktiviti jual beli barangan merupakan aktiviti harian terutama dalam kalangan peraih kecil dari sempadan Kalimantan Barat. Hasil kajian mendapati

peraih dari kampung di sebelah Kalimantan Barat menggunakan motosikal untuk masuk ke Kg. Mongkos dan Telok Melano. Peraih ini berulang alik masuk ke sempadan Sarawak beberapa kali dalam sehari, menaiki motosikal untuk menjual barangan seperti sayuran, ikan, beras dan buah-buahan. Mereka akan membeli barangan seperti gula pasir, minyak masak, beras, gas memasak dan Milo untuk dijual di kampung mereka di Kalimantan Barat. Barangan keperluan harian ini memang popular dalam kalangan peraih dari Kalimantan Barat. Pergerakan keluar masuk peraih menggunakan motosikal adalah gambaran biasa setiap hari yang terdapat di kawasan sempadan Sarawak-Kalimantan Barat.

Di Lubuk Antu, aktiviti perdagangan dalam kalangan perniaga dari sempadan Kalimantan Barat lebih teratur iaitu berniaga di tamu pada hujung minggu. Perniagaan dari sempadan Kalimantan Barat akan datang ke Tamu di sini pada petang Jumaat dan pulang pada petang Ahad selepas berniaga di Tamu tersebut. Mereka datang membawa barangan hasil tani seperti sayuran, buah-buahan, barang kraf dan hiasan rumah.

Ada beberapa sebab kenapa pedagang Kalimantan Barat gemar mengurus niaga dengan pedagang dan penduduk sempadan Sarawak. Berdasarkan temubual dengan penduduk di tiga lokasi kajian dan beberapa peraih dari Kalimantan Barat, mereka menyatakan beberapa sebab. Pertama, kerana harga barangan adalah lebih murah di Sarawak berbanding dengan harga di tempat mereka. Kedua, terdapat laluan jalan yang agak baik. Ketiga, kedudukan kawasan yang berdekatan. Keempat, urusan niaga boleh menggunakan matawang ringgit dan rupiah. Kelima, mereka sudah saling kenal mengenali antara satu sama lain dan keenam adalah faktor yang penting iaitu peraturan keluar masuk sempadan yang agak longgar. Justeru, pola hubungan komuniti di sempadan Sarawak-Kalimantan Barat masih berterusan dan terus kukuh dalam keadaan geo-politik moden. Ini kerana komuniti di dua belah sempadan itu saling bergantung

dan memerlukan. Maka, pola hubungan antara komuniti di sempadan ini ditandai oleh faktor komunikasi, hubungan kekeluargaan dan perdagangan. Faktor saling kebergantungan inilah yang memantapkan lagi kesepaduan sosial merentasi sempadan negara antara mereka.

### **KOMUNIKASI DAN POLA INTERAKSI KOMUNITI SEMPADAN**

Keterikatan atau saling hubungan antara komuniti di sempadan dua buah negara banyak dipengaruhi oleh faktor komunikasi. Ini adalah kerana sistem komunikasi, sama ada komunikasi fizikal dan komunikasi manusia berperanan menghubungkan manusia dari satu lokasi ke lokasi lain atau antara seorang dengan seorang lain. Misalnya, sistem komunikasi dalam bentuk komunikasi fizikal seperti jalan raya dan kenderaan pengangkutan, talian telefon, rangkaian internet dan televisyen amat penting untuk menghubungkan penduduk di sempadan Sarawak dan Kalimantan Barat. Dengan adanya rangkaian sistem komunikasi ini, mobiliti penduduk di sempadan menjadi lebih mudah dan lebih cepat. Penduduk boleh menjalankan urusan seharian sama ada urusan peribadi, perniagaan atau sosial dengan mudah dan lebih kerap menggunakan jalan dan kenderaan pengangkutan yang ada. Justeru, ikatan antara penduduk di sempadan terus berkekalan walaupun dipisahkan oleh batas geo-politik antara negara.

Jaringan sistem komunikasi di kawasan penempatan sempadan Sarawak-Kalimantan menunjukkan masih belum lengkap disebabkan prasarana elektrik belum lagi sepenuhnya dinikmati oleh penduduk terutamanya di Telok Melano dan Ba'kelalan. Manakala di kampung Mongkos dan Lubuk Antu, kemudahan elektrik telah dinikmati sepenuhnya. Namun begitu, penduduk di Telok Melano dan Ba'kelalan mengambil inisiatif sendiri dengan membeli dan menggunakan *generator* untuk menjana elektrik dan membeli parabola untuk mendapatkan siaran televisyen. Di penempatan sebelah Kalimantan Barat didapati kemudahan elektrik sudah

ada disediakan oleh pemerintah Indonesia. Dari segi liputan telefon bimbit pula didapati penduduk di sempadan Sarawak-Kalimantan Barat ini boleh menggunakan perkhidmatan telefon kedua buah negara. Namun begitu liputan perkhidmatan telefon Indonesia didapati adalah lebih baik berbanding dengan liputan perkhidmatan telefon Malaysia. Dengan adanya liputan perkhidmatan telefon selular ini, komuniti di sempadan tidaklah terasing daripada dunia luar. Kerajaan harus memandang serius aspek kemudahan ini kerana saluran televisyen Malaysia tidak sampai ke kawasan sempadan terutama penduduk di Telok Melano. Di semua lokasi yang dikaji, responden menggunakan parabola dan banyak menonton rancangan dari Indonesia berbanding Malaysia. Menurut Maizatul Haizan dan Wan Idros (2014) televisyen masih menjadi media terunggul dalam mengadvokasi inisiatif transformasi kerajaan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa media konvensional masih menjadi pilihan utama rakyat untuk mengetahui dasar-dasar kerajaan. Sungguh pun media sosial merupakan media yang paling popular digunakan, namun media konvensional masih lagi signifikan kepada rakyat. Justeru tidak hairanlah, kerajaan masih menitikberatkan media konvensional untuk mengadvokasikan dasar awam. Oleh itu, dalam menintegrasikan komuniti sempadan dengan pusat dan negara bangsanya, jaringan komunikasi seperti ini harus dibangunkan segera.

Kemudahan telefon selular dan internet dapat mengkurangkan jurang digital dan rasa terasing komuniti sempadan dengan komuniti di tempat-tempat lain. Menurut Leesa Watego (2009), *“communication technologies facilitates many different methods of communication between people. The Internet is used by indigenous and isolated groups for e-mailing, chat rooms and simple information gathering by looking at the websites”*. Media adalah saluran menyalurkan pesanan daripada pengirim kepada penerima sehingga dapat merangsang fikiran dan perasaan (Azahar Kasim et.al 2015).

Ternyata dengan adanya rangkaian perkhidmatan komunikasi ini telah membolehkan komuniti di sempadan untuk menjalin hubungan dengan sanak saudara dan kenalan di kawasan sempadan serta dengan dunia luar. Hubungan yang telah tersedia terjalin diperkukuhkan lagi melalui komunikasi menggunakan telefon selular. Komuniti di sempadan ini boleh berkomunikasi pada bila-bila masa dengan adanya perkhidmatan telefon selular dan internet. Majoriti penduduk di sempadan Sarawak dan Kalimantan Barat adalah berasal dari keturunan yang sama. Misalnya, kebanyakan penduduk di Telok Serabang dan Telok Melano, Sarawak dan Desa Temajok di Kalimantan Barat adalah keturunan Melayu Sulawesi. Begitu juga penduduk Lunbawang di Ba'kelalan dan sempadan Kalimantan adalah dari keturunan Lunbawang. Penduduk keturunan Bidayuh yang mendiami Kg. Mongkos, Sarawak dan Kg. Segumun di Kalimantan Barat juga berasal dari keturunan yang sama. Justeru, hubungan darah antara penduduk di sempadan ini terus berkekalan sehingga ke hari ini melalui interaksi yang akrab dan kerap dalam kalangan penduduk itu, walaupun dipisahkan dengan sempadan geo- politik negara.

Seperti juga di kebanyakan sempadan di negara-negara lain, kawasan sempadan Sarawak- Kalimantan Barat ini ditandai dengan batu sahaja. Menurut Zhang (2010), *“Traditionally some borders are only signposted. This is common on rural sections of the border. Borders may even completely unmarked, typically in remote region and such borders are often described as porous”*. Bagi penduduk kedua belah kawasan penempatan di sempadan, mereka tidak melihat batu tanda sempadan itu sebagai tanda pemisah kawasan, malahan kebanyakan mereka tidak menyedari kewujudan batu tanda itu. Sejak dahulu lagi penduduk telah keluar masuk sempadan negara untuk urusan harian. Ciri sempadan sebegini memudahkan lagi pergerakan keluar masuk penduduk sempadan tanpa banyak halangan dan ini menyumbang kepada pengukuhan ikatan kekeluargaan yang telah lama terjalin. Walaupun sekarang sudah ada

pos imigresen di kawasan sempadan tersebut, namun peraturan keluar masuk sempadan yang dikuatkuasakan tidaklah begitu ketat. Penduduk sempadan ini masih perlu menggunakan pas lintas sempadan dan prinsip saling mempercayai antara satu sama lain lebih digunakan untuk kebenaran keluar masuk. Ini adalah kerana, jarang sekali berlaku aktiviti penyeludupan atau pencerobohan sempadan oleh penduduk berlaku di kawasan kajian ini. Namun begitu, aliran pergerakan penduduk di sempadan Sarawak-Kalimantan Barat adalah lebih kepada penduduk kampung di Kalimantan Barat ke sempadan di Sarawak.

Hasil kajian tinjauan yang dijalankan ke atas empat kawasan penempatan sempadan Sarawak-Kalimantan Barat menunjukkan bahawa penduduk sempadan Sarawak menyatakan bahawa majoriti penduduk dari sebelah sempadan Kalimantan Barat suka untuk datang ke sempadan Sarawak seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Adakah anda rasa penduduk dari sempadan suka datang ke sini?

Kategori	Kg Mongkos	Telok Melano	Ba'kelalan	Lubuk Antu	Jumlah
Tidak suka	7 (6.1%)	1 (1.5%)	0 (0%)	8 (11%)	16 (5%)
Sangat tidak suka	1 (0.9%)	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.3%)
Suka	67 (58.8%)	37 (56.9%)	60 (90.9%)	65 ( 89.0%)	229 (72%)
Sangat suka	39 (34.2%)	27 (41.5%)	6 (9.1%)	0 (0%)	72 (22.6%)
Jumlah	114	65	66	73	318 (100%)

Pemerhatian di sempadan masuk Ba'kelalan, Kg. Mongkos, Telok Melano dan Lubuk Antu juga mendapati bahawa kebanyakan yang masuk ke sempadan di Sarawak adalah kalangan penduduk Indonesia dari kawasan sempadannya. Tujuan mereka datang ke sebelah sempadan Sarawak adalah pelbagai tetapi yang utamanya adalah untuk jual beli barangan keperluan. Jadual 2 memperlihatkan tujuan mereka datang ke sempadan di Sarawak.

Jadual 2: Tujuan penduduk sempadan Kalimantan datang ke sempadan di Sarawak

Tujuan	Kg.Mongkos	Telok Melano	Ba'kelalan	Lubuk Antu	Jumlah
Bersiar	2 (1.7%)	34 (52.3%)	0	0	36 ( 10.9%)
Membeli barang	51 (42.1%)	6 (9.2%)	44 (66.7%)	4 (5.2%)	105 ( 31.9%)
Sekatan askar longgar	17 (14%)	10 (15.4%)	0	2 (2.6%)	29 (8.8%)
Ziarah keluarga	13 (10.7%)	7 (10.8%)	21 (31.8%)	2 (2.6%)	43 (13.1%)
Menjual barang	21 (17.4%)	5 (7.7%)	0	59 (76.6%)	85 (25.8%)
Tiada urusan	7 (5.8%)	3 (4.6%)	0	6 ( 7.8%)	16 (4.9%)

Pola hubungan antara komuniti di sempadan melalui pergerakan keluar masuk penduduk di sempadan Sarawak-Kalimantan Barat bukanlah semata-mata untuk pengukuhan ikatan keluarga. Pola hubungan mereka dijalin melalui aktiviti perdagangan yang telah berkembang sejak dahulu lagi.

Berdasarkan dapatan tinjauan di empat lokasi kajian, penduduk tempatan menyatakan bahawa tujuan penduduk dari sebelah sempadan Kalimantan Barat berkunjung ke sebelah sempadan Sarawak adalah lebih untuk berjual beli. Ada kalangan penduduk datang ke sempadan Sarawak untuk mendapatkan barangan yang dianggap murah harganya dan menjualnya semula di kampung di sebelah Kalimantan Barat. Ada juga kalangan mereka yang datang ke sempadan di Sarawak untuk menjual barangan seperti kraf tangan, sayur dan buah-buahan. Barangan seperti gula pasir, minyak masak dan gas memasak adalah antara barangan popular yang dibeli oleh perniaga kecil Kalimantan Barat ini. Gambaran ini menunjukkan aktiviti perniagaan di sempadan masih bersifat konvensional bagi komuniti di kedua-dua negara. Belum ada bentuk penyertaan digital yang boleh memperkasakan usahawan di kedua negara. Penyertaan digital juga mampu memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pemerksaan usahawan wanita melalui aktiviti komunikasi perniagaan dan pencarian sumber maklumat melalui internet

(Faradillah Iqmar Omar, Samsudin A. Rahim 2015). Usaha ini harus dimulakan dengan membina jaringan komunikasi fizikal yang mantap untuk komuniti di sempadan terlebih dahulu.

## **KESIMPULAN**

Komuniti di sempadan Sarawak –Kalimantan Barat telah lama mempunyai hubungan simbiotik yang saling mengukuh dan menguntungkan kedua belah pihak. Komuniti ini merasakan kehadiran bersama di kawasan sempadan sebagai saling perlu memerlukan. Saling kebergantungan ini memerlukan mereka untuk terus menjalin pola hubungan yang harmoni, mesra dan akrab bagi memenuhi keperluan bersama. Senario ini memang bertepatan dengan kata-kata Koji (2003) bahawa sempadan adalah tempat di mana pelbagai kepentingan dan aktor saling memainkan peranannya. Pola hubungan antara komuniti itu dirangsangkan lagi dengan adanya rangkaian sistem komunikasi yang agak lengkap dan selesa tanpa banyak halangan atau sekatan prosedur keluar masuk sempadan. Pola hubungan yang harmoni, mesra dan akrab dipermudahkan lagi dengan pertalian darah, bahasa yang sama dan budaya yang sama dalam kalangan komuniti itu. Justeru, keterikatan hubungan antara komuniti di sempadan adalah bercirikan kepada banyak persamaan yang dikongsi bersama dan saling kebergantungan antara satu sama lain dan terbinanya sebuah kesepaduan sosial bagi masyarakat di sempadan kedua-dua negara.



## BIODATA PENULIS

**Mohd Yusof Abdullah (PhD)** adalah Profesor Madya dan Pengerusi Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM. Beliau memperoleh ijazah kedoktoran dari Universiti Putra Malaysia dalam bidang Komunikasi Pembangunan. Beliau banyak menjalankan penyelidikan berkaitan komunikasi dan pembangunan komuniti dan luar bandar; kajian penerimaan dan penggunaan teknologi komunikasi di luar bandar dan bandar; kajian pengaruh komunikasi kepimpinan. Emel: myusof@ukm.edu.my

**Suhana Saad (Phd)** Profesor Madya di Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Sosiologi Politik) dari Universiti Malaya pada tahun 2010. Bidang penyelidikan beliau termasuklah politik dan pembangunan, pembangunan komuniti, kepimpinan dan tadbir urus. Emel: suhanasaad@ukm.edu.my

**Junaenah Sulehan (PhD)** adalah ahli Sosiologi di Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, FSSK, UKM. Beliau terlibat aktif dalam penyelidikan yang terkait dengan isu-isu pembangunan di Sarawak dan Sabah. Fokus penyelidikan melibatkan Gender, Wanita dan Pembangunan, Urbanisasi dan perubahan sosial, Kemiskinan Bandar, Etnografi peribumi Borneo, dan Komuniti perbatasan di Sarawak dan Sabah. Emel: june@ukm.edu.my.

**Abd Hair Awang** adalah Profesor Madya di Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran (PPSPP), FSSK, UKM. Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Pengembangan) dari UPM. Bidang penyelidikan beliau ialah, pembangunan sumber manusia khususnya dalam isu pemindahan kepakaran, keberkesanan latihan dan memupuk tenaga kerja inovatif. Banyak karya buku dan jurnal tempatan serta antarabangsa berkaitan pengurusan dan pembangunan sumber manusia. Emel:hair@ukm.edu.my.

**Ong Puay Liu** adalah Profesor bidang Antropologi Pembangunan dan Felo Utama di Institut Kajian Etnik, UKM. Menerima ijazah Ph.D dari University of Edinburgh, Scotland, 2000. Buku beliau 'Packaging Myths for Tourism: The Rungus of Sabah', memenangi Anugerah Penerbitan Kategori Buku dan Monograf, Sains Sosial dan Kemanusiaan, Penerbit UKM, 2009.

## RUJUKAN

- Azahar Kasim et al (2015). Pembingkatan berita krisis selatan Thailand dalam akhbar aliran perdana di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 31(1): 27-40.
- Alvarez Jr., R.R (1995). The Mexican-US border: the making of an anthropology of borderlands. *Annual Review of Anthropology*. 24:447-470.
- Chan, Ho-Pong To & Elaine Chan (2006b). Reconsidering social cohesion: developing a definition and analytical framework for empirical research. *Social Research Indicators* 75:273-302.
- Faisal S. Haziz (2013). *Domination and contestation: Muslim bumiputera politics in Sarawak*. Singapore: ISEAS.
- Faradillah Iqmar Omar, Samsudin A. Rahim (2015). Penyertaan digital dan ciri keusahawanan dalam memperkasakan usahawan wanita di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*, 31(1) 2015: 241-256.
- Flynn, D.K (1997). "We are border": identity, exchange, and the state along the Benin-Nigeria Border. *American Ethnologist*. 24:311-330.
- Friedkin, N.E (2004). Social cohesion. *Annual Review of Sociology*. 30:409-425.
- Joseph Chan & Elaine Chan (2006). Charting the state of social cohesion in Hong Kong. *The China Quarterly*. 187:635-658.
- Jayum A. Jawan (1994). *Iban politics and economic development: their patterns and change*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Junaenah Sulehan, Noor Rahamah Hj. Abu Bakar, Mohd Yusof Hj. Abdullah, Abd. Hair Awang, Ong Puay Liu (2010). Development at the margins: Livelihood and sustainability of communities at Sarawak-Kalimantan borders. 7th International Malaysian Studies Conference (MSC 7), 16-18 March. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Koji, Koji, M (2002). *Socio-cultural Dynamics in Border Societies: Introduction to the Symposium*. Keynote address delivered at the International Symposium: Dynamics of Border Societies in Southeast Asia. Research Institute for Foreign Languages and Cultures of Asia and Africa, Tokyo University of Foreign Studies, Japan.
- Leesa Watego (2009). Indigenous people and ICT. Information Science Publishing: Hershey.
- Michie, B, H (1981). The Transformation of Agrarian Patron-Client Relations: Illustrations from India. *American Ethnologist*. 8: 21-40.
- Markus, Andrew & Kirpitchenko, L (2007). Conceptualising Social Cohesion. Available at <http://dx.doi.org/10.1017/CBO9780511481574.004>.

New Sarawak Tribune. <http://www.utusansarawakonline.com>.

Ong Puay Liu, Junaenah Sulehan, Noor Rahamah Hj. Abu Bakar, Abd. Hair Awang & Mohd Yusof Hj. Abdullah (2012). "Pasaraya" di persempadanan: ruang untuk kedinamikan indentiti dan hubungan. Dlm. TB. Massa Dja'far, Khairul Fuad, Junaenah Sulehan. *Tantangan dan prospek perbatasan Indonesia-Malaysia*. Jakarta: UNAS Press.

Maizatul Haizan Mahbob & Wan Idros Wan Sulaiman (2014). Apa hebatnya program transformasi kerajaan? *Jurnal Komunikasi*, 30: 145-158.

Zhang, S.X (2010). Sex trafficking in a border community: A field study sex trafficking in Tijuana, Mexico. San Diego, California; San Diego State University.